

Nama: _____

Kelas : _____

SULIT
Bahasa Melayu
Kertas 1
Set 1/2001
1 Jam

KERTAS MODEL
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2001

BAHASA MELAYU
Satu jam

Arahan Am:

1. *Kertas soalan ini mengandungi 50 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.*
4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.*

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca petikan di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sakit kuning atau hepatitis B merupakan suatu penyakit yang sebahagian besarnya dihidapi oleh bayi yang baru lahir. Penyakit ini berlaku apabila tisu-tisu dalam tubuh badan dimasuki oleh pigmen hempedu (*bilirubin*) yang mengakibatkan kulit, selaput lendir, dan bahagian mata putih menjadi kuning. Kadangkala penyakit ini disebabkan oleh kerosakan pada sel darah merah juga. Mereka yang pernah menghidap penyakit anemia, malaria, dan radang paru-paru juga mudah dihinggap oleh penyakit tersebut.

Banyak kajian yang telah dijalankan oleh pakar-pakar perubatan tentang penyakit ini. Antaranya termasuklah pakar-pakar perubatan dari Universiti California. Mengikut kajian yang telah dijalankan itu, kanak-kanak yang baru lahir mudah diserang penyakit tersebut. Walau bagaimanapun, hasil kajian itu menunjukkan bahawa bayi yang lahir cukup bulan dan sihat, tidak perlu dirawat di hospital jika mereka mempunyai tanda-tanda diserang penyakit kuning. Tanda-tanda tersebut merupakan **fenomena** biasa bagi kanak-kanak yang dilahirkan dalam abad ini.

Kesan penyakit kuning ini pernah dibincangkan oleh pakar-pakar pediatrik. Setelah beberapa kes demam kuning dianalisis, ternyata bahawa penyakit ini tidak mendatangkan kesan yang buruk seperti pekak, kurang cerdas, dan masalah neurologi. Tanggapan selama ini yang menyatakan bahawa penyakit kuning boleh mendatangkan kesan yang buruk merupakan hipotesis sahaja. Hal ini demikian kerana tiada bukti yang dijumpai bagi menyokong pendapat tersebut.

Bagi bayi yang lahir tidak cukup bulan amat mudah mendapat kesan yang buruk sekiranya menghidap penyakit kuning. Oleh hal yang demikian, bayi tersebut perlu mendapat rawatan yang sempurna di hospital. Sekiranya tindakan segera untuk merawat bayi tersebut tidak dilakukan kemungkinan besar bayi tersebut akan mengalami cacat. Suatu kaedah rawatan yang sesuai untuk mengatasi perkara ini terjadi ialah dengan meletakkan bayi tersebut di bawah cahaya biru selama 18 hingga 24 jam atau lebih. Rawatan ini dikenal sebagai fototerapi. Kaedah rawatan ini sedang diperhalus untuk memperoleh kesan yang maksimum. Sementara itu, terdapat alat-alat rawatan yang diperbaharu dan dipermudah juga, sejajar dengan perkembangan teknologi perubatan.

- 1 Siapakah yang berisiko tinggi menghidapi sakit kuning?
 - A bayi yang lahir tidak cukup bulan
 - B kanak-kanak
 - C penghidap penyakit anemia, malaria, dan radang paru-paru
 - D kanak-kanak yang kerosakan pada sel darah merahnya

- 2 Bagaimanakah rawatan yang dilakukan kepada bayi yang menghidap penyakit kuning?
- A rawatan secara fototerapi
 - B berjemur di bawah cahaya matahari
 - C memasukkan pigmen hempedu ke dalam tisu badan
 - D melakukan suntikan vaksin
- 3 Apakah tanggapan kebanyakan orang terhadap penghidap sakit kuning?
- A Penghidap sakit kuning akan mengalami cacat.
 - B Selaput mata penghidap sakit kuning akan berlendir.
 - C Tisu-tisu tubuh badan penghidap sakit kuning rosak.
 - D Penghidap sakit kuning mudah mendapat radang paru-paru.
- 4 Semua pernyataan yang berikut benar tentang sakit kuning **kecuali**...
- A Penghidap sakit kuning boleh dirawat dengan kaedah tradisional.
 - B Penyakit kuning hanya berlaku kepada kanak-kanak.
 - C Sakit kuning disebabkan oleh kerosakan pada sel darah merah.
 - D Penghidap sakit kuning akan mengalami kekuningan pada bahagian mata putih.
- 5 Kata **fenomema** dalam petikan sesuai digantikan dengan kata...
- A akibat.
 - B peristiwa.
 - C kejadian.
 - D tingkah laku.

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca surat di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru,
Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang,
71250 Pasir Panjang,
Negeri Sembilan.

Pengurus,
Syarikat Percetakan Daya Maju,
Jalan Rasah,
71200, Seremban,
Negeri Sembilan.

13 MAC 2001.

Tuan,

Memohon Sumbangan Derma Bagi Menjayakan Seminar Keibubapaan

Saya diarahkan merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Suka cita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah ini telah bermesyuarat pada 2 Mac 2001. Pihak jawatankuasa telah mengambil keputusan untuk mengadakan majlis yang tersebut di atas.
3. Yang berikut ini ialah butir-butir tentang perkara tersebut:

Tarikh	: 1 April 2001
Masa	: 8.30 pagi hingga 6.00 petang
Tempat	: Dewan Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang
4. Bersempena dengan seminar tersebut, dua orang pakar motivasi akan diundang untuk memberikan ceramah tentang kepentingan pendidikan kepada ibu bapa murid-murid sekolah ini. Beberapa program lain akan diadakan juga. Program tersebut termasuklah pameran tentang kegiatan sepanjang tahun murid-murid sekolah ini. Selain itu, pihak jawatankuasa juga bercadang menjemput pihak bomba untuk memberikan ceramah tentang langkah-langkah mencegah kebakaran. Kemudian, mereka diminta membuat demonstrasi tentang cara-cara memadamkan api.
5. Sehubungan itu, kami meminta jasa baik tuan untuk menghulurkan sumbangan ikhlas untuk membolehkan kami menampung perbelanjaan menjayakan program-program tersebut. Sumbangan tuan, bolehlah dibayar atas nama Bendahari Persatuan Ibu Bapa dan Guru atau memasukkan terus ke dalam akaun kami: BBMB 6-81671612-05 sebelum atau pada 25 Mac 2001.

Kerjasama dan kesudian tuan menghulurkan sumbangan untuk menjayakan seminar tersebut kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Saya yang menurut perintah,
NurulHuda

(Nurul Huda Ismail)
Setiausaha Persatuan Ibu Bapa dan Guru,
Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang.

- 6 Apakah tujuan surat ini ditulis?
- A untuk memaklumkan tarikh seminar
 - B mengundang pengurus Syarikat Percetakan Daya Bumi ke seminar
 - C memohon sumbangan derma
 - D memaklumkan tentang penganjuran seminar keibubapaan
- 7 Bilakah keputusan untuk mengadakan seminar keibubapaan dibuat?
- A pada 13 Mac 2001
 - B pada 1 April 2001
 - C pada 2 Mac 2001
 - D pada 25 Mac 2001
- 8 Pada pendapat anda apakah intipati ceramah yang akan disampaikan oleh pakar motivasi itu?
- A peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak
 - B peranan ibu bapa untuk memperoleh pendidikan
 - C masa hadapan sistem pendidikan murid-murid sekolah
 - D peranan pendidikan kepada ibu bapa
- 9 Mengapakah sumbangan derma diperlukan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang?
- A untuk menampung perbelanjaan yang diperlukan oleh pihak sekolah
 - B untuk menampung perbelanjaan aktiviti-aktiviti murid-murid sekolah
 - C untuk menampung perbelanjaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada seminar tersebut
 - D untuk menambahkan sumber kewangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru
- 10 Kata **mengundang** dalam petikan tadi sesuai digantikan dengan...
- A menjemput.
 - B membawa.
 - C mempelawa.
 - D memanggil.

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca puisi di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Renungkanlah,
Kegagalan bukan bererti mati,
Kita insan bernyawa,
Selagi jantung berdenyut,
Kehidupan perlu diteruskan.

Kejayaan,
Kecemerlangan,
Bebas,
Luas digapai.

Bukan wang jadi ukuran,
Bukan budi jadi sempadan,
Cekal, tabah,
Disambut kegigihan,
Mencapai puncak kejayaan.

Tiada kata putus asa tersembur,
Tiada coretan nokhtah ,
Tiada ukiran sumbing dicipta,
Tiada tarian sumbang,
Segalanya pasti terhasil.

- 11 Mengapakah kita tidak harus kecewa sekiranya menghadapi kegagalan?
- A kerana kegagalan bukan bererti kemusnahaan
 - B kerana kejayaan akan tercapai pada bila-bila masa
 - C kerana orang yang kecewa tidak berpeluang untuk memperoleh kejayaan
 - D kerana setiap orang tidak akan menghadapi kegagalan
- 12 Kata **digapai** dalam puisi bermaksud...
- A diambil.
 - B dicapai.
 - C dicari.
 - D dikumpul.
- 13 Kejayaan dapat dicapai dengan mengamalkan sikap-sikap berikut kecual...
- A tabah.
 - B gigih.
 - C gagah.
 - D cekal.

- 14 Maksud perenggan terakhir dalam puisi tadi ialah...
- A kejayaan sentiasa diperoleh oleh setiap orang.
 - B usaha yang bersungguh-sungguh pasti memperoleh kejayaan.
 - C kejayaan mudah dicapai.
 - D kejayaan akan tercapai walaupun tanpa usaha yang gigih.
- 15 Pada pendapat anda tajuk yang sesuai untuk puisi tadi mungkin sekali...
- A Kegagalan.
 - B Kegigihan.
 - C Kejayaan.
 - D Kekecewaan.

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca laporan di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada minggu yang lalu Persatuan Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Taman Rakan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke sebuah ladang getah di Sungai Ara, Perak. Tujuan lawatan kami ialah untuk mengetahui cara-cara getah ditoreh dan diproses.

Setelah sampai di sana, kami telah disambut oleh pengurus ladang tersebut, Encik Halim bin Bakar. Kami telah dibawa ke bilik khas dan diberi taklimat ringkas selama 15 minit. Kemudian, seorang pekerja ladang itu telah membawa kami ke ladang getah lalu menunjukkan kepada kami cara menoreh getah yang betul. Pekerja itu menggunakan sejenis pisau getah khas. Batang getah ditoreh pada bahagian kulit pokok di sekelilingnya hingga mengeluarkan susu getah. Susu getah berwarna putih dan pekat.

Susu getah pula mengalir ke dalam sebuah mangkuk plastik yang diikat pada pokok getah. Selepas beberapa jam, susu tadi dikumpulkan ke dalam sebuah baldi besi lalu dibawa ke kilang.

Kami kemudiannya dibawa ke kilang dan berpeluang melihat bagaimana getah diproses. Di kilang memproses getah, susu getah dibekukan. Kemudian, dimesin dengan mesin khas menjadi bentuk kepingan. Kepingan-kepingan getah itu disalai di rumah asap. Kepingan-kepingan yang telah disalai, diperiksa untuk menentukan mutu dan kelas getah tersebut. Kepingan-kepingan getah ini dihantar ke kilang-kilang memproses bahan-bahan yang dibuat daripada getah atau diekspor ke luar negara.

Setelah tamat lawatan itu, kami terus pulang ke sekolah. Lawatan kami amat menarik dan dapat menambah pengetahuan tentang pemprosesan getah di Malaysia.
Sekian.

Disediakan oleh,

Mohd Firdaus

(MOHD. FIRDAUS)
Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu,
Sekolah Kebangsaan Taman Rakan

30 APRIL 2000.

- 16 Apakah kegunaan mangkuk plastik yang diikat pada pokok getah?
- A mengumpul getah
 - B menakung susu getah
 - C menahan air hujan
 - D membekukan susu getah
- 17 Apakah tujuan lawatan tersebut?
- A menambahkan pengetahuan dan teladan
 - B melihat cara getah ditoreh dan diproses
 - C melihat cara penoreh menoreh getah bekerja di ladang getah
 - D mengetahui kegiatan-kegiatan yang dilakukan di ladang getah
- 18 Yang berikut ialah maklumat yang mungkin diperolehi oleh murid-murid **kecuali**...
- A mengetahui cara menoreh getah dan cara getah diproses.
 - B mengetahui proses menoreh dan mengumpul susu getah.
 - C mempelajari cara-cara menoreh getah.
 - D melihat getah yang telah menjadi kepingan disalai.
- 19 Susun ayat-ayat yang berikut mengikut urutan pemprosesan getah yang betul.
- I Getah ditoreh dengan menggunakan pisau khas.
 - II Kepingan getah disalai di rumah asap.
 - III Susu getah mengalir ke dalam mangkuk getah.
 - IV Susu getah dibekukan menjadi kepingan.
- A I, II, III, dan IV
 - B II, I, III, dan IV
 - C I, III, II, dan IV
 - D I, III, IV, dan II

- 20 Yang berikut ialah barangan yang dibuat daripada getah **kecuali**...
- A baju hujan.
 - B tayar.
 - C kasut
 - D baldi.

Soalan 21 hingga Soalan 32

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat di bawah ini.

- 21 Kamarul tunduk ke lantai apabila dileteri ibunya sambil kakinya _____
hujung tikar.
- A mengait
 - B mengaut
 - C menguis
 - D mengais
- 22 Semangat dan galakan yang diberikan oleh pakar motivasi itu _____ minat mereka untuk meneruskan projek mereka yang terbengkalai itu.
- A menyerikan
 - B menyalakan
 - C menyinarkan
 - D menyerlahkan
- 23 Cikgu Wahid melonjak kegembiraan sebaik sahaja pelari sekolahnya _____ ke garisan penamat.
- A menempuhi
 - B mencecah
 - C menemui
 - D melalui
- 24 Pelancaran majlis anugerah itu tergendala berikutan _____ yang tidak cekap.
- A pemantauan.
 - B pengurusan.
 - C penilaian.
 - D pemeriksaan.
- 25 Pekerja di ladang teh itu _____ daun teh sambil mengisikannya ke dalam bakul yang _____.
- A memetik... digalas
 - B memungut... dibawa
 - C menggunting... diangkat
 - D memotong... dijunjung

- 26 Haidil _____ saku seluarnya untuk mencari kunci keretanya.
A mengopek-ngopek
B meraba-raba
C meramas-ramas
D membelek-belek
- 27 Para pelancong itu amat tertarik oleh kehalusan kain songket _____ Terengganu.
A jahitan
B sulaman
C tenunan
D anyaman
- 28 Kak Laila menghayati irama muzik melalui radio sebagai _____ semasa menyiapkan kerja sekolahnya.
A pencuci telinga
B buah mulut
C halwa telinga
D alas perut
- 29 Kecemerlangan pelajar itu dalam peperiksaan telah menjadi _____ guru-guru sekolah itu.
A buah fikiran
B buah tangan
C buah mulut
D buah hati
- 30 Ibu amat _____ melihat penderitaan hidup keluarga miskin itu.
A terpegun
B terharu
C terkilan
D terasa
- 31 Ibu membubuh garam yang disangkakan gula menyebabkan air kopi yang dibancuhnya terasa amat _____.
A lekit
B masin
C tawar
D kelat

- 32 Mak Cik Bedah memasukkan dua _____ daun kesum dan empat _____ serai ke dalam raganya untuk dibawa pulang.
- A tangkai... jambak
 - B ikat ...batang
 - C helai...batang
 - D cucuk...keping

Soalan 33 dan Soalan 34

Pilih kata yang **seerti** bagi kata yang **bergaris**.

- 33 Rubiah menjeling apabila diusik oleh kawan-kawannya.
- A merenung
 - B mengenyit
 - C mengerling
 - D menatap
- 34 Sikap hormat-menghormati dapat menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat.
- A keunggulan
 - B kesenangan
 - C keselesaan
 - D keharmonian

Soalan 35 dan Soalan 36

Pilih kata ganda yang **bergaris** dalam ayat-ayat di bawah ini yang membawa maksud **tunggal**.

- 35 I Jejari tingkap itu telah berpaku.
II Halaman rumah itu telah ditumbuhi rerumput.
III Pepohon buluh itu tumbuh merimbun di tepi tasik itu.
IV Ibu memasukkan bebola ikan ke dalam masakan itu.
- A I dan III sahaja
 - B I dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D I, II, III, dan IV

36 I Kanak-kanak itu sedang bermain di halaman rumah.

II Bunga-bunga itu dipetik oleh kakak.

III Sarang angkut-angkut itu telah pecah.

IV Buku-buku itu dijual dengan harga yang murah.

A I dan II sahaja

B I dan III sahaja

C II, III, dan IV sahaja

D I, II, III, dan IV

Soalan 37 dan Soalan 38

Pilih kata berganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini yang membawa maksud berulang-ulang.

37 I Lauk-pauk yang dihidangkan itu enak belaka.

II Janisah memberikan saki-baki makanan itu kepada kucingnya.

III Kedua-dua ekor anak kucing itu berguling-guling di atas tikar itu.

IV Ayah melaung-laung kamu dari puncak bukit itu.

A I dan II sahaja

B II dan III sahaja

C III dan IV sahaja

D II, III, dan IV sahaja

38 I Hasyim terlonjak-lonjak setelah memenangi perlawanan pingpong itu.

II Mereka tersenyum-senyum kepada kami.

III Mata kanak-kanak itu terkebil-kebil apabila dimarahi oleh bapanya.

IV Budak itu terjerit-jerit apabila dikejar oleh anjing.

A I dan II saja

B II dan III saja

C I, II, dan IV saja

D I, II, III, dan IV

Soalan 39 hingga Soalan 41

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk ayat yang bergaris.

39 Sudah berapa lamakah kamu bergiat dalam bidang lakonan ini?

- A** Sepanjang yang saya ingat sudah hampir enam tahun.
- B** Saya akan bergiat dalam bidang lakonan ini selama enam tahun.
- C** Sudah enam tahun keluarga saya mendorong saya bergiat dalam bidang lakonan ini.
- D** Sejak enam tahun lalu saya berminat dalam bidang lakonan ini.

40 Bagaimanakah nahas udara itu berlaku?

- A** Ketika berlakunya nahas udara itu keadaan cuaca berkabus.
- B** Berlakunya nahas udara itu berkait rapat dengan kerosakan pada kipas pesawat itu.
- C** Nahas udara yang seumpama itu boleh berlaku apabila cuaca berkabus.
- D** Pihak polis sedang menyiasat punca berlakunya nahas udara itu.

41 Apakah yang dilakukan oleh Faizal semasa mendengar taklimat itu?

- A** Faizal mencatat perkara-perkara penting daripada taklimat itu.
- B** Banyak faedah yang diperoleh oleh Faizal semasa mendengar taklimat itu.
- C** Faizal mendengar taklimat itu dengan teliti.
- D** Hanya isi-isi penting taklimat itu yang dicatat oleh Faizal.

Soalan 42 dan Soalan 43

Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca dengan betul**.

- 42 A "Ibu, ini Jamilah, kawan baik saya. Dia cerdik dan aktif dalam sukan."
Kata Rosnah kepada ibunya.
- B "Ibu ini Jamilah, kawan baik saya, Dia cerdik dan aktif dalam sukan."
Kata Rosnah
kepada ibunya.
- C "Ibu ini Jamilah kawan baik saya, Dia cerdik dan aktif dalam sukan."
Kata Rosnah kepada ibunya.
- D "Ibu, ini Jamilah! kawan baik saya. Dia cerdik dan aktif dalam sukan."
Kata Rosnah kepada ibunya.
- 43 A "Menarik lukisan ini, Kamukah yang melukisnya?" tanya Cikgu Kamil.
- B "Menarik lukisan ini. Kamukah yang melukisnya?" tanya Cikgu Kamil.
- C "Menarik, lukisan ini. Kamukah yang melukisnya?" tanya Cikgu Kamil.
- D "Menarik lukisan ini? Kamukah yang melukisnya." tanya Cikgu Kamil.

Soalan 44 hingga Soalan 46

Pilih ayat yang **sama maksud dengan ayat yang bergaris**.

- 44 "Bagaimana saya hendak menjemput tetamu dan orang ramai datang menyaksikan pameran komputer itu, cikgu?" tanya Moi Ling.
- A Cikgu menyuruh Moi Ling menjemput tetamu dan orang ramai datang menyaksikan pameran komputer itu.
- B Cikgu menerangkan cara menjemput tetamu dan orang ramai datang menyaksikan pameran komputer itu kepada Moi Ling.
- C Moi Ling ingin mengetahui cara menjemput tetamu dan orang ramai datang menyaksikan pameran komputer itu.
- D Tetamu dan orang ramai dijemput datang oleh Moi Ling dan cikgunya untuk menyaksikan pameran komputer itu.

- 45 " Gulai itu sedap dan tidak terlalu pedas," kata Mak Jah kepada kakak.
- A Mak Jah memberitahu kakak bahawa gulai itu sedap dan tidak terlalu pedas.
 - B Kakak memberitahu Mak Jah bahawa gulai itu sedap dan tidak terlalu pedas.
 - C Mak jah dan kakak diberitahu bahawa gulai itu sedap dan tidak terlalu pedas.
 - D Mak Jah dan kakak memberitahu bahawa gulai itu sedap dan tidak terlalu pedas.
- 46 Suhu di bumi akan terus meningkat oleh sebab pembakaran dan penerokaan hutan yang semakin berleluasa.
- A kekurangan suhu bumi di hutan yang terus meningkat disebabkan oleh kebakaran hutan yang semakin bermaharajalela.
 - B Penerokaan hutan yang semakin meningkat serta pembakaran yang berlaku akan menyebabkan suhu di bumi terus meningkat.
 - C Pembakaran dan penerokaan hutan yang semakin tidak terbatas menyebabkan suhu di bumi akan terus meningkat.
 - D Pembakaran hutan yang semakin meningkat serta kekurangan suhu bumi menyebabkan hutan berkurangan

Soalan 47 dan Soalan 48

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 47
- I Dari pagi ke petang dia tidak balik ke rumah.
 - II Ceramah tentang kem musim cuti itu disukai oleh murid-murid.
 - III Wak Leman membajak sawah dengan menggunakan traktor.
 - IV Mereka telah sampai petang ini.
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C II, III, dan IV sahaja
 - D I, II, III, dan IV

- 48 I Berbagai projek telah dilaksanakan untuk membangunkan kawasan tersebut.
- II Azman merasa amat pilu sekali apabila mendengar cerita sedih itu.
- III Tiang telefon itu tumbang lalu menghempap rumah.
- IV Kucing peliharaannya sangat jinak.
- A I dan II saja
- B II dan III saja
- C III dan IV saja
- D II, III, dan IV saja

Soalan 49 dan Soalan 50

*Pilih ayat atau ayat-ayat yang menggunakan kata yang **bergaris** dengan betul.*

- 49 I Gula dan garam larut di dalam air.
- II Abang mengulang kaji pelajarannya hingga larut malam.
- III Sakitnya bertambah larut sejak belakangan ini.
- IV Kesengsaraannya larut setelah rumahnya terbakar.
- A I dan II saja
- B I, II, dan III saja
- C II, III, dan IV saja
- D I, II, III, dan IV
- 50 I Diam Pak Kamal ialah di pondok usang itu.
- II Sudah sepuluh tahun mereka diam di kampung itu.
- III Firdaus diam saja apabila disoal oleh gurunya.
- IV “Tolong diam sebentar,” kata Ali kepada rakan-rakannya.
- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C II, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN KERTAS MODEL: SET 1/2001

1. C	11. A	21. C	31. B	41. A
2. A	12. B	22. B	32. C	42. A
3. A	13. C	23. B	33. C	43. B
4. B	14. B	24. B	34. D	44. C
5. C	15. C	25. A	35. B	45. A
6. C	16. B	26. B	36. B	46. C
7. C	17. B	27. C	37. C	47. B
8. A	18. C	28. C	38. D	48. C
9. C	19. B	29. C	39. A	49. B
10. A	20. D	30. B	40. B	50. C